

# 110 pelajar terima hadiah Deepavali

KUALA LUMPUR 17 Okt. - Suara kegembiraan 110 pelajar kurang berkemampuan dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Kajang jelas kedengaran di Pasar Raya Mydin Subang Jaya apabila mereka diberi peluang memilih pakai baharu sempena sambutan Deepavali minggu hadapan.

Menurut Timbalan Presiden Tabung Kesejahteraan Persatuan Orang Kota Bharu (POKB), Dr. S. Kulanthayan, hadiah istimewa berjumlah lebih RM6,000 itu merupakan inisiatif bersama persatuan tersebut, Mydin Mohamed Holdings Bhd., (Mydin) serta Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Katanya, selain menceriakan sambutan perayaan yang bakal menjelang, usaha tersebut diadakan bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar itu merasai nikmat membeli-belah barang keper-

luan yang jarang sekali mereka perolehi.

"Keceriaan kanak-kanak merupakan nadi utama dalam setiap perayaan, justeru kita amat berharap agar sumbangan yang diberikan ini bukan sahaja dapat mengukir senyuman di wajah mereka tetapi menjadikan sambutan hari cahaya lebih meriah," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Selain dibawa membeli-belah, pelajar-pelajar tersebut juga sempat beramah mesra dengan Pengarah Urusan Mydin, Datuk Dr. Ameer Ali Mydin dan isteri yang hadir menyerahkan sumbangan berbentuk baucar itu.

Dalam pada itu, Ameer berkata, pihaknya sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi untuk melaksanakan program-program bantuan kepada masyarakat yang juga merupakan tanggungjawab sosial korporat syarikat tersebut.



AMEER Ali Mydin (belakang, empat dari kiri) dan isteri bersama sebahagian daripada murid SJKT Kajang yang menerima sumbangan Deepavali di Pasaraya Mydin Subang Jaya, Selangor, semalam.